

# YPM bantu pendidikan anak asnaf

» **Maybank Islamic Bhd**  
sumbang dana  
RM2.8 juta biayai  
program yang  
dianjurkan

Oleh **Nor Azma Laila**

[norazma@bh.com.my](mailto:norazma@bh.com.my)

■ **Bangi**

**Y**ayasan Pelajaran MARA (YPM) meneruskan lagi kerjasama dengan Maybank Islamic Bhd dalam usaha membantu pendidikan anak-anak asnaf melalui aktiviti anak angkat di bawah program Semarak Ilmu yang diadakan selama tiga hari bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif YPM, Datuk Abdul Karim Mustafa, berkata penganjuran program itu bertujuan membiayai, membimbing, mendidik dan memantau ke arah pembangunan sahsiah dan sosioekonomi membabitkan 1,000 pelajar yang dipilih sebagai anak angkat Maybank Islamic.

Beliau berkata, antara aktiviti utama program ini ialah Kem Kembara Kerjaya membabitkan 100 anak angkat Maybank Islamic dengan diberi pendedahan mengenai peluang pekerjaan bukan saja berdasarkan kecemerlangan akademik semata-mata tetapi bidang kemahiran juga turut diberi perhatian.

"Program ini berkonsepkan mentor-mentee dengan lima pelajar diasuh seorang fasilitator bagi memberi tunjuk ajar serta bertindak sebagai pemudahcara sepanjang tiga hari berlangsungnya aktiviti ini," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian penutup program Semarak Ilmu, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Islamic Bhd, Datuk Muzaffar Hisham.

## **Taja pelajar miskin**

Abdul Karim berkata, tahun ini Maybank Islamic Bhd membuat sumbangan dana sebanyak RM2.8 juta kepada YPM untuk membiayai beberapa program yang dianjurkan yayasan berkenaan bagi memperkasa lagi aspek pendidikan dan sahsiah anak-anak angkat golongan asnaf.

Beliau berkata, pada tahun 2013,

Maybank Islamic Bhd menaja kelas tuisyen untuk 2,644 pelajar miskin menggunakan kepakaran guru Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) manakala tahun lalu kerjasama berkenaan dikembangkan pula dengan penajaan pelajar miskin melalui Skim Anak Angkat YPM membatik jumlah tajaan RM1.1 juta.

"Setakat ini, dana yang disumbangkan digunakan untuk pelajar sekolah saja tetapi memandangkan Maybank Islamic Bhd menunjukkan sokongan berterusan terhadap usaha yang dijalankan YPM, kita juga akan mencadangkan supaya dana itu digunakan untuk menaja pelajar yang ingin menyambung pengajian ke peringkat universiti," katanya.

Sementara itu, peserta program Kem Kembara Kerjaya, Muhammad Ammar Mohd Salleh, 15, dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datok Lokman, Kuala Lumpur, berkata program berkenaan sangat berfaedah

kerana memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pelbagai jenis peluang kerjaya yang ada di negara ini.

"Melalui program ini saya berpeluang berjumpa dengan ramai

orang daripada pelbagai bidang malah turut diberi peluang untuk bertanyakan pelbagai soalan bagi mendapat gambaran mengenai alam kerjaya yang bakal diceburi kelak.

## **Bina keyakinan diri**

"Cabaran utama yang dihadapi sepanjang menyertai program ini pula ialah saya harus bijak membahagikan masa untuk menyiapkan tugas yang diberikan supaya semuanya berjaya disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan," katanya.

Nur Aziah Zakaria, 16, dari SMK Sungai Acheh, Nibong Tebal, Pulau Pinang, berkata beliau kali pertama menyertai program sedemikian yang banyak membantu pelajar membina keyakinan diri kerana mereka didedahkan dengan teknik bercakap di depan khalayak ramai.

"Program ini memang menyeronokkan kerana kami bukan saja didedahkan mengenai peluang kerjaya tetapi turut diajar mengenai cara untuk menggunakan intonasi dan bahasa tubuh dengan betul apabila bercakap di depan orang ramai.

"Saya berterima kasih kepada YPM dan Maybank Islamic Bhd kerana memilih saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam program sebegini dan akan berkongsi maklumat diperoleh bersama-sama rakan di sekolah," katanya.



Sebahagian daripada peserta **program Semarak Ilmu** bersama-sama tetamu kehormat selepas majlis pelancaran di Bangi, baru-baru ini.

[ FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/ BH ]



Muzaffar (kiri) dan Abdul Karim (kanan) **beramah mesra dengan sebahagian peserta program** kemasyarakatan Maybank pada majlis penutup di Kolej Keris Mas, UKM.



“  
**Penganjuran  
program itu  
bertujuan  
membiayai,  
membimbing,  
mendidik dan  
memantau  
ke arah  
pembangunan  
sahsiah dan  
sosioekonomi  
membabitkan 1,000  
pelajar yang dipilih  
sebagai anak angkat  
Maybank Islamic”**

**Abdul Karim Mustafa,**  
Ketua Pegawai Eksekutif YPM



**“**  
**Melalui**  
**program ini**  
**saya berpeluang**  
**berjumpa dengan**  
**ramai orang**  
**dari pelbagai**  
**bidang** malah  
turut diberi peluang  
untuk bertanyakan  
pelbagai soalan  
bagi mendapat  
gambaran  
mengenai alam  
kerjaya yang bakal  
diceburi kelak”

**Muhammad Ammar**  
**Mohd Salleh**

Peserta program Kem  
Kembara Kerjaya